

U GB 16-07 00143 BC572

Bah

PM TIDAK TAHU ADA PIHAK KETIGA DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA

Mahathir: - Singapura

I

PULAU REDANG, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak tahu sama ada terdapat pihak ketiga yang cuba mengeruhkan hubungan antara Malaysia dan Singapura.

+Jika benar ada pihak ketiga, kita tidak harus dipengaruhi olehnya,+ katanya. kepada pemberita selepas, melawat projek pelancongan Redang Island Resort (RIR) di sini.

Beliau mengulangi bahawa dasar luar Malaysia adalah jelas iaitu ia mahu berbaik-baik dan bekerjasama dengan negara-negara jiran dan akhbar-akhbar di Malaysia sangat peka mengenai perkara itu.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai laporan akhbar di Singapura yang menyebut terdapat ketegangan dalam hubungan antara Singapura dan Malaysia, terutama dengan Johor.

+Tidak harus ada ketegangan selagi akhbar-akhbar (di Singapura) tidak mengapi-apikan isuitu,+ katanya. -- Lagi

▼16/07/18-12MST

U GB 16-07 00116 BC573

Bah

Mahathir - Singapura 2 (Akhir) Pulau Redang

Ketika diminta mengulas penolakan seorang menteri Singapura berhubung cadangan Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya ditubuhkan suruhan jaya duahala untuk mengatasi masalah antara kedua-dua negara, beliau berkata: +Kita tidak boleh mengambil kira kenyataan oleh seorang menteri sahaja.+

+Bagaimanapun jika ia merupakan pendirian kerajaan Singapura, saya tidak dapat berbuat apa-apa,+ katanya.

Mengenai projek RIR, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan pemaju kerana telah mengambil langkah-langkah perlu untuk memelihara alam sekitar dan mengelakkan kemusnahan kepada terumbu karang.

+Pada mulanya saya agak curiga, tetapi selepas melihat usaha pemaju untuk mengurangkan pencemaran, saya berpendapat projek itu sesuai,+ katanya.

-- Bernama

▼16/07/18-14MST